



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG
UNIT SUKAN
D/A PUSAT KECEMERLANGAN SUKAN WESTLANDS,
JALAN PADANG VICTORIA,
10400 PULAU PINANG



Tel : +604 228 5831 / 3858
Faks : +604 228 6248
Laman Web : <http://jpnpp.moe.gov.my>

Rujukan Kami : JPNPP(SUK)600 -2/9 jld 3(76)
Tarikh : 21hb. Mac 2017

Setiausaha,
Kelab Bridge Dan Catur,
Universiti Sains Malaysia,
Pusat Mahasiswa, Bangunan H21,
Kompleks Cahaya Siswa,
11800 USM, Pulau Pinang.

Sila edarkan kepada
sekolah yang terlibat

Tuan,

**PERMOHONAN MENGADAKAN PERTANDINGAN CATUR (KUMPULAN) USM
ANTARABANGSA KE-23, 2016/2017**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas. Surat tuan berkenaan yang tersebut di atas, bertarikh 26hb. Februari 2017 yang diterima pada 16 Mac 2017 adalah dirujuk.

2. Sukacita di maklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang tiada halangan untuk membenarkan pihak tuan mengadakan pertandingan tersebut pada seperti ketetapan berikut:-

Tarikh : 22 April 2017
Tempat : Dewan Utama Peperiksaan A, Universiti Sains Malaysia
Masa : 10.00 pagi – 7.00 petang

3. Oleh itu pihak tuan adalah dikehendaki mematuhi syarat-syarat berikut:-
- **Memperolehi kebenaran bertulis daripada Guru Besar / Pengetua sekolah.**
 - **Mendapat kebenaran bertulis daripada ibubapa/waris pelajar yang terlibat.**
 - **Aktiviti berkenaan dikawalselia oleh guru penasihat atau Pegawai Pasukan/ Persatuan berkenaan.**
 - **Tiada terdapat unsur paksaan dalam mendapatkan penyertaan.**
 - **Sebarang yuran/bayaran yang dikenakan adalah tanggungan pelajar sendiri dan semua pembayaran perlu dikeluarkan resit rasmi.**
 - **Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Pendidikan Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang perkara yang tidak diingini jika berlaku.**
 - **Pihak tuan dikehendaki menjaga kebajikan pelajar-pelajar yang terlibat dan mempunyai perlindungan insuran.**
 - **Pelajar-pelajar / guru terlibat tidak layak untuk sebarang tuntutan dari Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang atau Kementerian Pendidikan Malaysia.**

"1 Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"
Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung



**PERMOHONAN MENGADAKAN PERTANDINGAN CATUR (KUMPULAN) USM
ANTARABANGSA KE-23, 2016/2017**


- *Pegawai yang bertanggungjawab adalah pegawai yang dilantik oleh Kelab Bridge Dan Catur, Universiti Sains Malaysia.*
- *Aktiviti tersebut tidak menjejaskan proses pengajaran & pembelajaran Guru – guru/pelajar-pelajar yang terlibat.*
- *Pengangkutan , makan dan minum peserta adalah tanggungjawab pihak penganjur.*
- *Sila bawa surat ini dan edarkannya bersama surat tuan kepada sekolah-sekolah yang terlibat untuk mendapat kebenaran Pengetua/Guru Besar.*
- *Pengecualian aktiviti kokurikulum/sukan hendaklah mendapat persetujuan Pengetua/Guru besar sekolah.*
- *Kebenaran ini tidak sah selepas 22 APRIL 2017 sahaja.*

Kerjasama pihak tuan dalam hal ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
”PENDIDIKAN PULAU PINANG DIPERSADA ANTARABANGSA”**

Saya yang menurut perintah,



(HJ. ABDUL HALIM BIN HJ. IBRAHIM)

Ketua Unit Sukan,

b.p. Pengarah Pendidikan,

Jabatan Pendidikan Pulau Pinang.

No. Tel : 04-2285831

No. Faks : 04-2286248

Email : halim65usijpp@gmail.com

sk.

1. Pengarah Pendidikan
2. Ketua Sektor Pembangunan Kemanusiaan
3. Pejabat Daerah Pendidikan Timur Laut/Barat Daya/Tengah/Utara/Selatan
4. Pengetua/Guru Besar
5. Fail Timbul